

BAB DUA

SERTU MENURUT PANDANGAN EMPAT MAZHAB

2.1 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan secara terperinci berkenaan dengan kaedah sertu menurut fiqah. Penerangan dari sudut fiqah akan disertakan bersama dalil, dan cara sertu mengikut setiap mazhab yang terdiri daripada mazhab Hanafiyy, Malikiyy, Shafi'iy, dan Hanbaliyy. Setiap mazhab mempunyai pendapat yang berbeza dalam memberi penerangan tentang hukum najis *mughallazah* serta kaedah pembersihannya. Oleh sebab itu, kajian di dalam bab ini akan merujuk kepada beberapa buah kitab berserta ayat Al-Quran dan hadis yang berkaitan untuk mendapat penerangan yang lebih tepat.

2.2 Maksud Sertu Dari Sudut Fiqah

Berikut merupakan maksud sertu menurut fiqah, dibawah ini merupakan penerangan secara terperinci maksud sertu:

2.2.1 Definisi Sertu

Sertu merupakan kaedah basuhan bagi apa-apa sahaja kawasan, peralatan dan tempat yang terkena najis *mughallazah* dengan tujuh kali air mutlak dan salah satunya adalah dengan air tanah. Sepertimana yang telah oleh Muhammad Amir Badshah (2015) iaitu:

يشترط لكل متنجس سبع غسلات وأن يكون إحداها بتراب طهور أو صابون ونحوه في متنجس بكلب أو خنزير ويضر بقاء طعم النجاسة لا لوئها أو ريحها أو هما عجزا.

Maksudnya: “Disyaratkan bagi setiap benda yang bernajis untuk dibasuh tujuh kali basuhan, dan salah satunya dengan menggunakan tanah atau sabun yang suci dan seumpamanya dalam kekotoran yang terkena dengan anjing atau babi dan akan memberi kesan sekiranya rasa najis masih kekal, bukan warna atau baunya atau kedua-duanya jika tidak mampu dihilangkan”.

Menurut Zulkifli Mohamad al-Bakri (2019) didefinisikan sertu sebagai cara bersuci daripada najis *mughallazah* iaitu anjing dan babi dibasuh dengan air sebanyak tujuh kali dan salah satu padanya dengan air tanah sama ada najis tersebut najis *aini* atau najis *hukmi*. Sama ada terkena pada pakaian, badan, atau tempat.

Seterusnya, sertu menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017) ialah menyucikan mana-mana bahagian badan yang terkena najis *mughallazah* (anjing dan babi) dengan air bercampur tanah sekali dan air mutlak enam kali. Bukan itu sahaja, maksud sertu menurut buku Garis Panduan Sertu Menurut Perspektif Islam (2017) ialah menyucikan sesuatu daripada najis *mughallazah* iaitu anjing, babi dan keturunannya. Najis *mughallazah* hendaklah disuci dengan membasuhnya menggunakan satu (1) kali dengan air bercampur tanah dan diikuti enam (6) kali dengan air bersih/mutlak.

Secara kesimpulanya, maksud sertu adalah proses menyucikan sesuatu yang terkena najis *mughallazah* (najis berat) iaitu anjing, babi, dan keturunannya. Cara basuhannya

adalah tempat yang terkena najis *mughallazah* perlu dibasuh dengan air sebanyak tujuh kali dan salah satu daripadanya air tanah.

2.3 Hadis Berkaitan dengan Bilangan Basuhan Sertu

Jika merujuk kepada hadis, terdapat beberapa riwayat hadis mengenai bilangan dan cara basuhan (sertu) najis *mughallazah* seperti berikut:

2.3.1 Hadis Tiga Kali Basuhan

Pertama hadis yang menyatakan cukup sekadar tiga kali basuhan sahaja bagi menyucikan jilatan anjing sekiranya terdapat air najasat hendaklah dibersihkan terlebih dahulu dan diikuti dengan tiga kali basuhan. Berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah RA daripada Rasulullah SAW baginda bersabda bahawasanya:

{عَنْ النَّبِيِّ ﷺ أَنَّهُ قَالَ : "يَغْسِلُ الْإِنَاءَ مِنْ وَلُوغِ الْكَلْبِ ثَلَاثًا" }

Maksudnya: “*Bejana itu hendaklah dicuci tiga kali selepas dijilat oleh anjing*”

(Hadis. Sunan Abi Daud. Kitab Taharah. Bab Ghuls Al-Janaba. No.

248)

Seterusnya, terdapat juga hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah RA iaitu:

{عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ "أَنَّكَ كَانَ إِذَا وَلَعَ الْكَلْبُ فِي الْإِنَاءِ أَهْرَاقَهُ وَعَسَلَهُ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ" }

Maksudnya: “Apabila anjing menjilat bejana, dan hendaklah dia membuangnya dan membasuhnya tiga kali”.

(Hadis. Sunan al-Daruqutniyy. Kitab Sunan al-Daraqutniyy. Bab Hukm Wulugh Al-kalb Fi Al-Ina^c. No 197)

2.3.2 Hadis Tiga, Lima dan Tujuh Basuhan

Hadis berkenaan dengan tiga, lima dan tujuh kali basuhan ini dinyatakan dalam *Sunan al-Daruqutniyy* sepertimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah RA, sabda Rasulullah SAW:

{ فِي الْكَلْبِ يَلْعُ فِي الْإِنَاءِ أَنَّهُ يَغْسِلُهُ ثَلَاثًا أَوْ خَمْسًا أَوْ سَبْعًا }

Maksudnya: “Tentang anjing yang menjilat pada bejana, bejana tersebut hendaklah dibasuh tiga kali atau lima kali atau tujuh kali”.

(Hadis. Sunan al-Daruqutniyy. Kitab Taharah. Bab Hukm Wulugh Al-kalb Fi al-Ina^c. No 190)

Hadis selanjutnya diriwayatkan oleh Abd al-Baqiyy ibn Qai^ciyy, al-Husayn bin Ishaq, Rasulullah SAW, baginda bersabda:

{ يَغْسِلُ ثَلَاثًا أَوْ خَمْسًا أَوْ سَبْعًا. تَفَرَّدَ بِهِ عَبْدُ الْوَهَّابِ، عَنْ إِسْمَاعِيلَ وَهُوَ مَتْرُوكُ الْحَدِيثِ،

وَعِزُّهُ يَرْوِيهِ عَنْ إِسْمَاعِيلَ بِهَذَا الْإِسْنَادِ: "فَاعْسَلُوهُ سَبْعًا"، وَهُوَ الصَّوَابُ }

Maksudnya: “Hendaklah dia membasuh tiga, lima atau tujuh kali”. Abd al-Wahhab bersendirian dalam meriwayatkan hadis ini daripada Ismail dan riwayatnya ditinggalkan (matruk). Periwiyat lain meriwayatkan daripada Ismail dengan sanad berikut yang bermaksud, “basuhlah ia sebanyak tujuh kali” dan ini hadis yang betul.

(Hadis. Sunan al-Daruqutniyy. Kitab Taharah. Bab Hukm Wulugh Al-kalb Fi Al-Ina^c. No 194)

2.3.3 Hadis Tujuh Kali Basuhan

Hadis yang ketiga menyatakan bahawa najis *mughallazah* hendaklah dibasuh dengan tujuh kali basuhan bagi menyempurnakan proses serutu tersebut. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

{ "طَهُورُ إِنَاءٍ أَحَدِكُمْ إِذَا وَلَعَ فِيهِ الْكَلْبُ أَنْ يَغْسِلَهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ أُولَاهُنَّ بِالتُّرَابِ " }

Maksudnya: “Sucinya bejana kepunyaan salah seorang antara kamu, setelah dijilat oleh anjing ialah membasuh dengan tujuh kali basuhan dan basuhan pertama adalah dengan (air bercampur) tanah”.

(Hadis. Muslim. Kitab al-Taharah, Bab Hukm Wulugh al-Kalb. No 279)

Seterusnya, hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah RA:

{ "طَهُورُ إِنَاءٍ أَحَدِكُمْ إِذَا وَلَعَ فِيهِ الْكَلْبُ أَنْ يَغْسَلَ سَبْعَ مَرَّاتٍ أَوْلَاهُنَّ بِتُرَابٍ" }

Maksudnya: “Rasulullah SAW bersabda: Mensucikan perkakas kepunyaan salah seorang di antara kamu, setelah dijilat anjing, adalah dengan membasuhnya sebanyak tujuh kali dan basuhan pertama dengan air tanah”.

(Hadis. Sunan Abi Dawud. Kitab Taharah. Bab al-Wuduk Bisu^r al-Kalb. No 71).

2.3.4 Hadis Lapan Kali Basuhan

Terdapat hadis yang menyatakan lapan kali basuhan untuk basuhan najis *mughallazah*. Hadis ini diriwayatkan oleh Ibnu Mughaffal:

{ أَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِقَتْلِ الْكِلَابِ، ثُمَّ قَالَ: مَا بَاهْتُمْ وَبِأَلِ الْكِلَابِ؟ ثُمَّ

رَخَّصَ فِي كَلْبِ الصَّيِّدِ وَكَلْبِ الْغَنَمِ، وَقَالَ: إِذَا وَلَعَ الْكَلْبُ فِي الْإِنَاءِ فَاعْسَلُوهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ،

وَعَقِّرُوهُ الثَّامِنَةَ فِي التُّرَابِ }

Maksudnya: “Rasulullah SAW memerintahkan untuk membunuh anjing-anjing itu, dan kemudian berkata: Bagaimana dengan mereka tentang anjing lain? dan kemudian baginda memberi kelonggaran (untuk memelihara) anjing buruan dan anjing untuk menjaga kambing ternakan

dan berkata: Apabila anjing itu menjilat perkakas, basuhlah ia tujuh kali, dan gosokkannya dengan tanah untuk kali kelapan”.

(Hadis. Sahih Muslim. Kitab Taharah, Bab Hukm Wulugh Al-kalb. No 280)

Terdapat juga hadis yang menyatakan bilangan yang sama iaitu hadis yang turut diriwayatkan daripada ‘Abdullah bin Mughaffal iaitu:

{أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَرَ بِقَتْلِ الْكِلَابِ وَرَحَّصَ فِي كُلِّ الصَّيِّدِ وَالْغَنَمِ وَقَالَ " إِذَا وَلَعَ الْكَلْبُ فِي الْإِنَاءِ فَأَغْسِلُوهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ وَعَقِّرُوهُ الثَّامِنَةَ بِالتُّرَابِ " }

Maksudnya: “Bahawa Rasulullah SAW memerintahkan supaya anjing dibunuh, tetapi baginda membuat pengecualian untuk anjing pemburu dan anjing yang menjaga kambing ternakan dan bersabda: “Jika seekor anjing menjilat bejana maka basuhlah ia tujuh kali dan curahkan basuhan terakhir dengan tanah”.

(Hadis. Sunan an-Nasa’i. Kitab al-Mayahi. Bab Ta’fir al-Ina’ bi al-Turab Min Wulugh al-Kalb Fih. No 336)

2.3.5 Huraian Hadis Berkaitan dengan Bilangan Basuhan Sertu

Menurut Al-Ala’iyy (1987) berkenaan dengan tiga kali basuhan bagi najis mughallazah iaitu:

وَقَالَ الْحَافِظُ فِي الْفَتْحِ أَمَّا الْحَنْفِيَّةُ وَمَذَهَبُ مَالِكٍ وَالْجَمَاهِيرِ وَقَالَ أَبُو حَنِيفَةَ يَكْفِي غَسْلُهُ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ انْتَهَى
فَلَمْ يَقُولُوا بِوُجُوبِ السَّبْعِ وَلَا التَّرْتِيبِ وَاعْدَرَ الطَّحَاوِيُّ وَعَازَرَهُ عَنْهُمْ بِأَمْرِ.

Maksudnya: “Al-Hafiz berkata, ulama Hanafiyy dan mazhab Malikiyy dan jumhur ulama. Abu Hanifah berkata memadai membasuhnya tiga kali. Di dalam kitab al-Fath mereka tidak mengatakan yang tujuh itu wajib, begitu juga mencampur air dengan tanah, al-Tahawi dan lain-lain mengecualikannya atas beberapa sebab”.

Selanjutnya, telah dinyatakan juga oleh Al-Shanqeetiyy et al., (2002) iaitu:

مِنْهَا كَوْنُ أَبِي هُرَيْرَةَ رَاوِيَهُ أَفْتَى بِثَلَاثِ غَسَلَاتٍ فَتَبَتَ بِذَلِكَ نَسْخُ السَّبْعِ وَتَعَقَّبَ بِأَنَّهُ يُحْتَمَلُ أَنْ يَكُونَ أَفْتَى
بِذَلِكَ لِإِعْتِقَادِهِ نَدْبِيَّةَ السَّبْعِ لَا وَجُوبَهَا أَوْ كَانَ نَسِي مَا رَوَاهُ وَالْإِحْتِمَالُ لَا يَثْبُتُ النَّسْخَ.

Maksudnya: “Bahawa Abu Hurayrah merupakan perawinya, maka dia mengeluarkan fatwa tentang tiga kali basuhan, dengan itu mengesahkan pembatalan (nasakh) bagi tujuh kali basuhan. Berkemungkinan ketika beliau berfatwa mengenai perkara ini dia percaya bahawa tujuh kali basuhan itu hanya sunat dan tidak wajib atau dia lupa apa yang diriwayatkan dan kebarangkalian itu tidak membuktikan pemansuhan”.

Seterusnya, Al-Saharanfuriyy (2006) turut menerangkan huraian bagi hadis tiga kali basuhan untuk najis mughallazah iaitu:

وأما عند الحنفية في ظاهر الرواية أنه لا يطهر إلا بالغسل ثلاثاً، لما روي عن النبي ﷺ أنه قال: "يغسل الإناء من ولوغ الكلب ثلاثاً"، فقد أمر بالغسل ثلاثاً في النجاسة التي هي غير مرئية... بل هو مفوض إلى غالب رأيه وأكبر ظنه، وإنما ورد النص بالتقدير بالثلاث بناء على غالب العادات، فإن الغالب أنها تزول بالثلاث.

Maksudnya: "Adapun mazhab Hanafiyy, menurut pengertian riwayat yang zahir, ia tidak suci melainkan dengan membasuhnya sebanyak tiga kali, berdasarkan apa yang diriwayatkan dari Nabi Muhammad SAW bahawa baginda bersabda: "Bejana itu hendaklah dicuci tiga kali selepas dijilat oleh anjing". Baginda memerintahkan untuk membasuh tiga kali bagi najis yang tidak kelihatan. Sebaliknya, ia diserahkan kepada pendapatnya yang kebiasaan (ghalib) dan kuat. Sebaliknya, teks menyatakan bahawa ia dianggarkan oleh tiga kali basuhan berdasarkan kepada kebiasaan adat, yang kebiasaanya ia dihilangkan oleh tiga kali basuhan".

Jelaslah disini bahawa pendapat untuk tiga kali basuhan bagi menyucikan najis *mughallazah* adalah kerana kebiasaan kekotoran dapat dibersihkan dengan tiga kali basuhan sahaja dan perawi hadis tersebut meyakini bahawa tujuh kali basuhan itu tidak wajib setelah beliau meriwayatkan hadis yang lain iaitu tiga kali basuhan atau berkemungkinan perawi lupa tentang beliau pernah meriwayatkan hadis tujuh kali basuhan.

Seterusnya, huraian bagi hadis yang menyatakan tentang bilangan membasuh tiga, lima atau tujuh kali basuhan terhadap najis *mughallazah*, ia dijelaskan oleh al-Daruqutniyy seperti berikut:

قال الدارقطني: تفرد به عبد الوهاب عن إسماعيل وهو متروك الحديث وغيره يرويه عن إسماعيل بهذا الإسناد
فاغسلوه سبعا وهو الصواب.

Maksudnya: “*al-Daruqutniyy berkata: Abd al-Wahhab bersendirian dalam meriwayatkan hadis ini daripada Ismail dan riwayatnya ditinggalkan (matruk). Periwat yang lain meriwayatkan daripada Ismail dengan sanad berikut yang bermaksud, “basuhlah ia sebanyak tujuh kali” dan ini hadis yang betul*”.

Hadis di atas ini menerangkan bahawa jumlah bilangan basuhan tiga, lima dan tujuh bagi najis *mughallazah* tidak diambil kira kerana hadis ini merupakan hadis yang ditinggalkan (*matruk*) dan telah diriwayatkan hadis yang lain dengan sanad yang sama iaitu membasuh tujuh kali basuhan bagi najis *mughallazah* dan teks di atas juga jelas menyatakan basuhan tujuh kali merupakan basuhan yang paling tepat. Perkara ini turut dijelaskan dalam oleh Al-Nawawiy (1994) berdasarkan teks tersebut:

وَاعْلَمُ أَنَّهُ لَا فَرْقَ عِنْدَنَا بَيْنَ وُلُوغِ الْكَلْبِ وَغَيْرِهِ مِنْ أَجْزَائِهِ فَإِذَا أَصَابَ بَوْلُهُ أَوْ رَوْثُهُ أَوْ دَمُهُ أَوْ عَرَقُهُ أَوْ شَعْرُهُ أَوْ
لُعَابُهُ أَوْ عُضْوٍ مِنْ أَعْضَائِهِ شَيْئًا طَاهِرًا فِي حَالِ رُطُوبَةٍ أَحَدَهُمَا وَجَبَ غَسْلُهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ إِحْدَاهُنَّ بِالتُّرَابِ.

Maksudnya: “*dan ketahuilah tiada perbezaan di sisi kami antara jilatan anjing dan bahagian tubuhnya yang lain. Sekiranya air kencing, tahi, darah, peluh, rambut, air liur atau salah satu organnya terkena sesuatu yang suci dan salah satu daripadanya basah, maka wajib membasuhnya sebanyak tujuh kali, salah satunya dengan tanah*”

Telah dinyatakan oleh Al-Mubarakfuriyy (2008) tentang tujuh kali basuhan iaitu:

وَقَدْ ثَبَتَ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ بِإِسْنَادٍ أَصَحَّ مِنْ هَذَا أَنَّهُ أَفْتَى بِغَسَلِ الْإِنَاءِ سَبْعَ مَرَّاتٍ مُوَافِقًا لِحَدِيثِهِ الْمَرْفُوعِ فِي سُنَنِ
الدَّارِقُطِيِّ حَدَّثَنَا الْمُحَامِلِيُّ نَا حَجَّاجُ بْنُ الشَّاعِرِ نَا عَارِمٌ نَا حَمَّادُ بْنُ زَيْدٍ عَنْ أَيُّوبَ عَنْ مُحَمَّدٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ فِي
الْكَلْبِ يَلْعُ فِي الْإِنَاءِ قَالَ يَهْرَاقُ وَيَغْسَلُ سَبْعَ مَرَّاتٍ قَالَ الدَّارِقُطِيُّ صَحِيحٌ مَوْقُوفٌ انْتَهَى.

وَقَوْلُ أَبِي هُرَيْرَةَ هَذَا أَرْجَحُ وَأَقْوَى إِسْنَادًا مِنْ قَوْلِهِ وَفِعْلِهِ الْمَذْكُورَيْنِ الْمُخَالَفَيْنِ لِحَدِيثِهِ الْمَرْفُوعِ كَمَا عَرَفْتَ فِي
كَلَامِ الْحَافِظِ.

فَقَوْلُهُ الْمُوَافِقُ لِحَدِيثِهِ الْمَرْفُوعِ يَقْدَمُ عَلَى قَوْلِهِ وَفِعْلِهِ الْمَذْكُورَيْنِ وَأَمَّا قَوْلُ النَّيْمَوِيِّ فِي التَّعْلِيقِ وَمَنْ يَرُوهُ أَحَدٌ مِنْ
أَصْحَابِهِ يَعْنِي أَصْحَابَ أَبِي هُرَيْرَةَ أَتْرَأَ مِنْ قَوْلِهِ أَوْ فِعْلِهِ خِلَافَ مَا رَوَاهُ مِنْهُ عَطَاءٌ إِلَّا بِنِ سِيرِينَ فِي رِوَايَةٍ عِنْدَ
الْبَيْهَقِيِّ.

Maksudnya: “Telah disabitkan dari Abu Hurayrah dengan sanad yang lebih sahih daripada ini bahawa beliau telah mengeluarkan fatwa untuk mencuci bejana sebanyak tujuh kali yang berbetulan dengan hadis marfu^c yang diriwayatkan beliau. Dalam Sunan al-Daraqutniyy. Kami diberitahu oleh al-Mahamaili, daripada Hajjaj ibn al-Sha’ir, daripada A’rim, oleh Hammad ibn Zayd, dari Ayyub, dari Muhammad dari Abu Hurairah tentang seekor anjing yang menjilat bejana, dia berkata: dibuang airnya dan dibersihkan dan dicuci tujuh kali. Al-Daraqutni berkata: bahawa sahih mawquf”.

Pendapat Abu Hurayrah ini lebih *rajih* dan *sanad* yang paling kuat dari ucapan dan perbuatannya yang disebutkan dan menyalahi dengan hadis *marfu'nya* seperti yang anda ketahui dalam kata-kata Al-Hafiz, pendapatnya yang berbetulan dengan hadis *marfu'nya* lebih diutamakan daripada ucapan dan perbuatan yang disebutkan di atas. Adapun apa yang dikatakan oleh al-Nimawi dalam *al-ta'liq*, “Tiada seorang pun dari sahabat Abu Hurayrah yang meriwayatkan”. Satu *athar* pun kesan dari apa yang dia katakan atau lakukan yang berbeza dengan apa yang diriwayatkan oleh Atta kecuali Ibn Sirin dalam satu riwayat al-Baiyhaqiyy.

Hadis yang memerintahkan supaya membasuh najis *mughallazah* dengan lapan kali basuhan dijelaskan oleh Al-Nawawiyy (1994):

فَمَذْهَبَنَا وَمَذْهَبَ الْجَمَاهِيرِ: أَنَّ الْمُرَادَ إِغْسَالَهُ سَبْعًا وَاحِدَةً مِنْهُنَّ بِالتُّرَابِ مَعَ الْمَاءِ، فَكَأَنَّ التُّرَابَ قَائِمٌ مَقَامَ غَسَلَةٍ فَسُمِّيَتْ ثَامِنَةً لِهَذَا.

Maksudnya: “Mazhab kami dan mazhab *jumhur* menyatakan yang dimaksudkan dengan lapan basuhan ialah basuhlah bejana yang terkena najis *mughallazah* itu sebanyak tujuh kali dan salah satunya dengan air tanah. Seolah-olah tanah itu mengambil tempat satu basuhan tersebut, lalu ia dinamakan basuhan yang kelapan atas sebab ini”.

Oleh itu riwayat hadis yang menyebut lapan kali basuhan, sebenarnya bermaksud tujuh kali basuhan sahaja. Jadi hadis yang paling *sahih* ialah hadis tujuh kali basuhan kerana mempunyai *sanad* yang *sahih* dan *rajih*. Secara kesimpulannya, penerangan yang khusus bagi hadis-hadis tersebut akan dijelaskan secara terperinci dalam topik yang seterusnya.

2.4 Hukum Najis *Mughallazah* Menurut Pandangan Mazhab Fiqah

Mazhab fiqh utama iaitu Hanafiyy, Malikiyy, Syafi'iy dan Hanbaliyy. Setiap mazhab mempunyai pandangan masyhur yang berbeza dalam menetapkan sesuatu hukum. Oleh itu, sub topik ini akan menerangkan secara khusus berkaitan dengan hukum najis *mughallazah* (anjing dan babi).

2.4.1 Pendapat Mazhab Hanafiyy Tentang Hukum Najis *Mughallazah*

a) Kenajisan Anjing Menurut Mazhab Hanafiyy

Kenajisan anjing menurut Ibnu Mazah al-Bukhariyy al-Hanafiyy (2004), beliau menyatakan bahawa najis anjing hanyalah pada air liurnya sahaja bukan keseluruhan tubuhnya, ini kerana berdasarkan hadis Rasulullah SAW memerintahkan supaya membasuh bejana setelah dijilat oleh anjing:

{وإنما نحتج بقوله عليه السلام: "يغسل الإناء من ولوغ الكلب ثلاثاً" وهذا أمر بصيغة

الجبير، وعن رسول الله عليه السلام "أنه أمر بغسل الإناء من ولوغ الكلب ثلاثاً" والأمر

بغسل الإناء لا يكون تعبداً؛ لأن غسل الظروف لا تعد قرينة فيدل ذلك على تنجسه،

وإنما تنجس الإناء بولوغه إذا كان لعابه نجساً وإنما يكون لعابه نجساً إذا كان لحمه نجساً }

Maksudnya: “Kami berhujah dengan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud, “Bejana itu hendaklah dibasuh tiga kali selepas dijilat oleh anjing”. Ini adalah kata perintah yang bermaksud mesti (wajib). Juga hadis daripada Rasulullah SAW yang bermaksud, “Baginda memerintahkan agar bejana yang dijilat anjing dibasuh tiga kali”. Perintah membasuh bejana bukanlah ta’abbudiy kerana membasuh bejana tidak dianggap sebagai ibadah, maka ini menunjukkan bahawa ia (air liur anjing) adalah najis. Sebaliknya, bejana menjadi najis dengan jilatan anjing jika air liurnya najis. Air liurnya menjadi najis jika dagingnya najis”.

(Hadis. Sunan Abi Dawud. Kitab Badhl Al-majhud Fi hal Sunan Abi Dawud. Bab Ghuls Al-Janaba. No. 248)

Seterusnya, seorang Ulama mazhab Hanafiyy berkata:

ثم اختلف أصحابنا في الكلب، هل هو نجس العين كالحنزير أو لا، والأصح أنه ليس بنجس العين.

Maksudnya; Kemudian, ulama mazhab Hanafiyy telah berselisih pandangan berkenaan anjing, apakah ia najis pada ain (dirinya) seperti babi atau tidak. Pendapat yang paling sahih, ia tidak najis pada ain (dirinya) (Al-^eAiniyy, 2000).

Di dalam petikan diatas jelas menunjukkan bahawa menurut mazhab Hanafiyy anjing tidak najis pada ain (tubuhnya) tetapi hanya najis *mughallazah* pada air liurnya sahaja.

b) Kenajisan Babi Menurut Mazhab Hanafiyy

Selanjutnya, adalah penerangan tentang kenajisan babi menurut pandangan mazhab Hanafiyy. Menurut Al-Musiliyy (2015):

(وَالثَّلَاثُ نَجَسٌ، وَهُوَ سُؤْرُ الْخِنْزِيرِ وَالْكَلْبِ وَسِبَاعِ الْبَهَائِمِ) أَمَّا الْخِنْزِيرُ فَلِأَنَّهُ نَجَسُ الْعَيْنِ وَلِعَابُهُ يَتَوَلَّدُ مِنْ حَمِيهِ. وَأَمَّا الْكَلْبُ فَلِأَنَّ النَّبِيَّ - عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ - أَمَرَ بِعَسَلِ الْإِنَاءِ مِنْ وُلُوغِهِ ثَلَاثًا، وَفِي رِوَايَةٍ سَبْعًا، وَلِسَانُهُ يُلَاقِي الْمَاءَ دُونَ الْإِنَاءِ فَكَانَ أَوْلَىٰ بِالنَّجَاسَةِ. وَأَمَّا سِبَاعُ الْبَهَائِمِ فَلِأَنَّ فِيهِ لِعَابَهَا، وَأَنَّ نَجَسَ لِتَوَلَّدَ مِنْ حَمٍ نَجَسٍ.

Maksudnya: (dan yang ketiga adalah najis, iaitu air liur babi, anjing, dan binatang buas). Adapun babi, ia najis pada ain dan air liurnya terhasil daripada dagingnya. Anjing itu kerana Rasulullah SAW memerintahkan untuk mencuci bejana tiga kali kerana jilatannya dan dalam riwayat tujuh kali, dan sebenarnya lidahnya yang terkena air tanpa terkena bejana, maka terlebih-lebih lagilah ia (bejana) menjadi najis. Adapun binatang buas, kerana di dalamnya terdapat air liurnya, dan ia adalah najis kerana ia terhasil dari daging yang najis.

Seterusnya, menurut 'Ala al-Din al-Kasaniyy (1986) iaitu:

الخنزير: فقد روي عن أبي حنيفة أنه نجس العين، لأن الله تعالى وصفه بكونه رجسا فيحرم استعمال شعره وسائر أجزائه، إلا أنه رخص في شعره للخرازين للضرورة.

Maksudnya: “Babi: Diriwayatkan dari Abu Hanifah bahawa ia adalah najis pada ain, kerana Allah SWT menyifatkannya sebagai najis, maka haram menggunakan bulunya dan

seluruh anggotanya, kecuali beliau memberi rukhsah (keringanan) pada bulunya kepada penjahit kulit apabila berlaku darurat”.

Seterusnya, telah dinyatakan juga oleh Al-Hanafiyy (2004) bahawa babi adalah najis pada ainnya:

الخنزير: فلأن لعابه يتولد من عينه، وعينه نجس.

Maksudnya: “Babi: Kerana air liur terhasil dari ainnya, dan ainnya adalah najis”.

قال الله تعالى: ﴿أَوْ لَخَمٍ خَنْزِيرٍ فَإِنَّهُ رَجْسٌ﴾ (الأنعام: ١٤٥) والنجس والرجس واحد.

Maksudnya: “Allah SWT telah berfirman: Daging babi karena sesungguhnya semua itu kotor (Al-Quran. Al-An‘am 8:145). Najis dan keji adalah satu dan sama maksud”.

Jelaslah disini bahawa menurut mazhab Hanafiyy babi adalah najis secara keseluruhan.

2.4.2 Pendapat Mazhab Malikiyy Tentang Hukum Najis Mughallazah

a) Kenajisan Anjing Menurut Mazhab Malikiyy

Pendapat mazhab Malikiyy berkenaan dengan kenajisan anjing adalah berbeza daripada mazhab yang lain ini kerana bagi ulama mazhab Malikiyy, anjing tidak najis sama ada yang boleh digunakan untuk penjaga dan buruan ataupun yang tidak boleh. Perkara ini telah dinyatakan oleh Al-Saqliyy (2015) iaitu:

والدليل على أن الكلب ليس بنجس قوله تعالى: ﴿فَكُلُوا مِمَّا أَمْسَكْنَ عَلَيْكُمْ﴾، ولو كان نجساً لأمر بغسل ما

أمسك علينا.

Maksudnya: “Dan dalil bahawa anjing itu tidak najis adalah berdasarkan firman Allah SWT:

﴿فَكُلُوا مِمَّا أَمْسَكْنَ عَلَيْكُمْ﴾

Maksudnya: “Maka makanlah dari apa yang ditangkapnya untukmu”.

(Al-Quran. Al-Ma'idah 6:4)

Dan jika anjing itu najis, maka Allah SWT akan memerintahkan untuk membasuh apa yang telah ditangkapnya untuk kita”.

Anjing merupakan salah satu binatang yang digunakan untuk memburu. Menurut imam al-Tabariyy bahawa yang dimaksudkan dengan الْجَوَاحِ مُكَلِّبِينَ adalah kesemua haiwan yang diajar (dilatih) lalu ia memburu, seperti anjing, helang, harimau kumbang, dan selainnya.

Seterusnya, menurut hadis yang diriwayatkan oleh °Adiyy bin Hatim RA beliau berkata:

{ سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قُلْتُ إِنَّا قَوْمٌ نَصِيدُ بِمَنْدِ الْكِلَابِ فَقَالَ "إِذَا

أُرْسِلَتْ كِلَابُكَ الْمُعَلَّمَةَ وَذَكَرْتَ اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهَا فَكُلْ مِمَّا أَمْسَكْنَ عَلَيْكَ وَإِنْ قَتَلْنَ "

Maksudnya: “Aku bertanya kepada Rasulullah SAW, aku berkata, kami adalah satu kaum yang berburu dengan anjing. Nabi bersabda, apabila

kamu melepaskan anjing kamu yang telah dilatih dan kamu menyebutkan nama Allah SWT semasa melepaskannya maka makanlah kamu dari buruan yang telah ditangkapnya sekalipun ia (haiwan buruan) telah mati”.

(Hadis. Muslim. Kitab Taharah. Bab Alsayd Bi al-Kilab al-Muealima.

No 1929)

Manakala, air liur anjing bukanlah najis, tetapi bekas yang dijilatnya hendaklah dicuci sebagai tujuan *ta'abbudi*. Ibn Abd Al-Bar rahimahullah (1992) berkata:

فجملته ما ذهب إليه مالك واستقر عليه مذهبه عند أصحابه: أن سؤر الكلب طاهر، ويغسل الإناء من ولوغه

سبعاً.

Maksudnya: “Maka jumlah dari apa yang Malikiyy pergi dan doktrinnya telah ditetapkan dengan para sahabatnya: bahawa makanan anjing itu suci, dan bejana hendaklah dicuci tujuh kali”.

Bukan itu sahaja, Al-Zuhailiyy (t.th) turut menyatakan semua anjing samaada yang boleh digunakan untuk penjaga dan buruan ataupun yang tidak boleh, hanya jilatannya saja yang wajib dibasuh sebanyak tujuh kali secara *ketaatan* (*ta'abbudi*). Ini adalah menurut pendapat yang *masyhur* dari kalangan mereka. Begitu juga, tidak wajib membasuh tujuh kali apabila anjing itu hanya memasukkan kakinya ataupun memasukkan lidahnya ke dalam sesuatu bejana air tanpa menggerakkannya ataupun tanpa terjatuh air liurnya.

Kesimpulannya, di dalam mazhab Malikiyy anjing bukanlah najis dan ia dianggap suci sebagaimana haiwan yang lain kecuali kekotorannya (tahi) yang dianggap *mutawassitah*. Para pengikut mazhab Malikiyy mengatakan bahawa tiap-tiap haiwan yang hidup itu suci keadaannya selama dia masih hidup sahaja, walaupun seekor anjing. Berdasarkan penerangan di atas anjing dijadikan sebagai haiwan yang telah dilatih untuk memburu dan hasil buruannya tidak diperintahkan oleh Allah SWT untuk dibasuh dan boleh dimakan tanpa perlu dibasuh sepertimana yang telah dijelaskan berdasarkan ayat al-Quran diatas.

b) Kenajisan Babi Menurut Mazhab Malikiyy

Manakala, babi pula adalah najis secara keseluruhan ini kerana babi telah ditetapkan di dalam Al-Quran tentang pengharamannya. Perkara ini juga telah disebut oleh Al-Saqliyy (2015) iaitu:

الخنزير أكثر أكلًا للأنجاس والعدرة من الكلب وورد النص في تحريمه كان أسوأ حالاً من الكلب.

Maksudnya: “*Babi memakan lebih banyak najis dan kekotoran berbanding daripada anjing dan telah terdapat nas al-Quran yang menetapkan pengharamannya, Oleh itu, babi dianggap lebih berat (hukumnya) daripada anjing*”.

Berdasarkan Badran (1999) telah menghuraikan secara terperinci berkenaan dengan ayat Al-Quran yang berkaitan dengan hukum pengharaman najis babi, pertama iaitu pada firman Allah SWT:

﴿إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخَنِزِيرِ﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi*”.

(Al-Quran. Al- Baqarah 2:173)

وقوله ﴿وَلَحْمَ الْخَنِزِيرِ﴾ أراد الخنزير بجميع أجزائه، لكنه خص اللحم لأنه المقصود بالأكل، وفائدة تخصيص لحم الخنزير دون لحم سائر السباع، أن كثيراً من الكفار ألفوا لحم الخنزير، فخص بهذا الحكم، وهذا قول سائر أهل العلم.

Maksudnya: “*dan perkataannya {dan daging babi} bermaksud daging babi dengan kesemua bahagiannya, tetapi dikhususkan sebutan daging kerana ia yang dimaksudkan untuk dimakan. Faedah mentakhsiskan (menghususkan) daging babi tanpa daging binatang buas yang lain, bahawa banyak orang kafir terbiasa (memakan) daging babi, maka ia dikhususkan dengan hukum ini, dan inilah yang dikatakan oleh semua ulama*”.

Seterusnya, pada surah Al-An'am ayat 145, firman Allah SWT:

﴿قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ

لَحْمَ خَنِزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهْلًا لِعَيْرِ اللَّهِ بِهِ فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ رَبَّكَ غَفُورٌ

رَحِيمٌ﴾

Maksudnya: *Katakanlah, “Tiadalah aku peroleh dalam wahyu yang diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya, kecuali kalau makanan itu bangkai, atau darah yang mengalir atau daging babi karena sesungguhnya semua itu kotor atau binatang yang disembelih atas nama selain Allah. Barangsiapa yang dalam keadaan terpaksa, sedang dia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang”.*

(Al-Quran. Al-An'am 4:145)

قال: والضمير في لغة العرب التي نزل بها القرآن، راجع إلى أقرب مذكور إليه، فصح بالقرآن أن الخنزير بعينه

﴿رَجَسٌ﴾، و ﴿الرَّجَسُ﴾ حرام واجب اجتنابه.

Maksudnya: *“Dia berkata, Kata ganti nama dalam bahasa di mana Al-Quran diturunkan dengannya merujuk kepada nama yang paling dekat disebut dengannya. Al-Quran menjelaskan bahawa babi khususnya adalah “kotor”, dan “jijik” perkataan ini bermaksud haram dan mesti dielakkan”.*

Jelaslah disini bahawa babi adalah najis secara keseluruhan berdasarkan nas Al-Quran dan petikan daripada kitab di atas.

2.4.3 Pendapat Mazhab Syafi'iy tentang Hukum Najis *Mughallazah*

a) Kenajisan Anjing Menurut Mazhab Syafi'iy

Menurut mazhab Syafi'iy anjing adalah najis secara keseluruhan. Oleh sebab itu, apa-apa sahaja yang terkena najis anjing wajib membasuh najis tersebut sebanyak tujuh kali dan salah satu basuhannya adalah dengan air tanah. Perkara ini telah dijelaskan oleh Al-Nawawiyy (1994) iaitu:

واعلم أنه لا فرق عندنا بين ولوغ الكلب وغيره من أجزائه فإذا أصاب بوله أو روثه أو دمه أو عرقه أو شعره أو لعابه أو عضو من أعضائه شيئا طاهرا في حال رطوبة أحدهما وجب غسله سبع مرات إحداهن بالتراب.

Maksudnya: “Ketahuilah, tidak ada perbezaan di kalangan kami antara jilatan anjing dengan anggota-anggota badan anjing lain. Apabila terkena kencingnya, najisnya, darahnya, peluhnya, bulunya, air liurnya atau mana-mana anggota dari anggota badannya yang terkena perkara yang suci dalam keadaan salah satunya basah maka wajib membasuhnya dengan tujuh kali basuhan dan salah satu daripadanya adalah tanah”.

Seterusnya, telah dijelaskan juga Al-Shirbiniyy (1994) iaitu:

وَكَذَا الْحَيَّوانُ كُلُّهُ طَاهِرٌ لما مرَّ إِلَّا ما استثناهُ الشَّارِعُ أَيضاً وَهُوَ الْكَلْبُ وَلَوْ معلماً لِحَبْرِ مُسَلِمٍ طَهُورٌ إِناءٌ أَحَدُكُمْ إِذا وَلَعَ فِيهِ الْكَلْبُ أَنْ يَغسلَهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ أَوْلَاهُنَّ بِالترابِ.

Maksudnya: “Keseluruhan haiwan itu asalnya adalah suci berdasarkan apa yang dijelaskan sebelum ini kecuali apa yang dikecualikan oleh Syarak iaitu anjing walaupun ia dididik untuk berburu, berdasarkan hadis Muslim yang bermaksud “penyucian bejana

salah seorang dari kamu jika anjing itu menjilatnya ialah dengan menyucikannya dengan tujuh kali basuhan, yang mana basuhan pertama dengan air tanah”.

Hal ini juga telah dijelaskan di dalam hadis daripada Abu Hurayrah RA di mana riwayatnya adalah:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَأْتِي دَارَ قَوْمٍ مِنَ الْأَنْصَارِ وَدُوهُمُ دَارٌ، {قَالَ: فَشَقَّ ذَلِكَ عَلَيْهِمْ، فَقَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، سُبْحَانَ اللَّهِ تَأْتِي دَارَ فُلَانٍ، وَلَا تَأْتِي دَارَنَا، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لِأَنَّ فِي دَارِكُمْ كَلْبًا، قَالُوا: فَإِنَّ فِي دَارِهِمْ سِنُورًا، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ الْمِنُورَ سَبْعٌ {

Maksudnya: “Rasulullah SAW pernah masuk ke rumah seorang Ansar dan Nabi juga pernah tidak masuk ke rumah seorang Ansar yang lain. Abu Hurayrah RA berkata: perbuatan tersebut menyebabkan mereka terasa. Mereka berkata: Wahai Rasulullah SAW, Maha Suci Allah, engkau masuk ke rumah fulan dan tidak masuk ke rumah kami. Rasulullah SAW bersabda: Ini kerana di dalam rumah kamu ada anjing. Mereka berkata: Di dalam rumah mereka terdapat sinnur (sejenis kucing yang disebut juga felidae). Maka Rasulullah SAW menjawab: Sesungguhnya sinnur itu adalah haiwan liar”.

(Hadis. Imam Ahmad. Kitab Musnad. No 8324)

Hadis ini jelas menyatakan bahawa anjing adalah haram secara keseluruhan kerana Rasulullah SAW tidak memasuki rumah yang di dalamnya memiliki anjing. Perkara ini termasuklah sama ada anjing tersebut digunakan untuk berburu atau tidak.

b) Kenajisan Babi Menurut Mazhab Syafi'iy

Manakala, hukum bagi kenajisan babi pula adalah sama seperti najis anjing. Perkara ini telah dijelaskan oleh Al-Nawawiyy (2003) iaitu pada firman Allah SWT:

﴿إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَحُمَّ الْخِنْزِيرِ﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi*”.

(Al-Quran, Al- Baqarah 2:173)

Menurut tafsir Al-Qurtubiyy (2006), pada ayat ini Allah SWT mengharamkan memakan daging babi, maka penyebutan daging di sini telah mencakupi nama daging beserta dengan lemaknya kerana lemak termasuk kepada sebutan daging.

Seterusnya, adalah pada surah Al-An'am ayat 145 berkaitan dengan hukum pengharaman babi:

﴿قُلْ لَا أُجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ حُمًّا﴾

﴿خِنْزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهْلًا لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ رَبَّكَ غَفُورٌ رَحِيمٌ﴾

Katakanlah: *“Tiadalah aku peroleh dalam wahyu yang diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya, kecuali kalau makanan itu bangkai, atau darah yang mengalir atau daging babi karena sesungguhnya semua itu kotor atau binatang yang disembelih atas nama selain Allah SWT. Barangsiapa yang dalam keadaan terpaksa, sedang dia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang”*.

(Al-Quran. Al-An'am 8:145)

Menurut Tafsir Al-Qurtubiyy (2006) firman Allah SWT *قُلْ لَا أُجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا* Katakanlah, tiadalah aku peroleh dalam wahyu yang diwahyukan kepadaku sesuatu yang diharamkan. Menjelaskan bahwa Allah SWT pada ayat ini menerangkan tentang apa yang Dia haramkan. Makna ayat tersebut adalah katakanlah wahai Rasulullah SAW: *“Aku tidak menemukan apa yang diwahyukan kepadaku sesuatu yang diharamkan kecuali hal-hal yang disebutkan dalam ayat tersebut”*.

Hal ini juga turut dijelaskan oleh Zakariyya Al-Ansariyy (1994) iaitu:

"وخنزير " لأنه أسوأ حالا من الكلب لأنه لا يجوز اقتناؤه بحال ولأنه مندوب إلى قتله من غير ضرر.

Maksudnya: *“Dan “babi” keadaannya lebih teruk daripada anjing, kerana tidak dibenarkan memeliharanya dalam apa jua keadaan, dan disyorkan untuk membunuhnya tanpa bahaya”*.

Bukan itu sahaja, Al-Shirbiniyy (1994) turut menerangkan perkara berkaitan dengan kenajisan babi iaitu:

أن الخنزير ككلب وكذا ما تولد منهما أو من أحدهما مع حيوان طاهر، لأن الخنزير أسوأ حالا من الكلب.

Terjemahannya: “(Sesungguhnya babi adalah seperti anjing) dan demikian juga apa yang lahir daripada berduanya atau salah satu daripada keduanya (yang bersenyawa) dengan haiwan yang suci kerana babi adalah terlebih hina keadaanya”.

Berdasarkan penerangan dari dua kitab diatas jelas menunjukkan bahawa hukum kenajisan anjing dan babi adalah sama iaitu haram secara keseluruhan namun najis babi dianggap lebih hina daripada najis anjing.

2.4.4 Pendapat Mazhab Hanbaliyy Tentang Hukum Najis *Mughallazah*

a) Kenajisan Anjing Menurut Mazhab Hanbaliyy

Hukum kenajisan anjing dan babi dalam mazhab Hanbaliyy adalah sama dengan mazhab Syafi'iyi iaitu tidak dimaafkan secara keseluruhan najis anjing dan babi. Perkara ini telah dijelaskan oleh Al-Buhutiyy (1983) iaitu:

والكلب والخنزير نجسان وكذا ما تولد منهما وسؤر ذلك وعرقه، وكل ما خرج منه لا يختلف المذهب فيه.

Maksudnya: “Dan anjing dan babi itu keduanya adalah najis. Begitu juga apa yang dihasilkan daripada kedua-duanya, serta air liur dan peluhnya. Segala yang keluar daripadanya, tidak mempunyai percanggahan (hukum) di dalam mazhab”.

Seterusnya, Air liur anjing adalah najis dan wajib menyucikan apa-apa yang telah disentuh oleh air liurnya. Turut di perelaskan oleh Qudamah (1997) iaitu:

فالنجس نوعان: أحدهما: ما هو نجس، رواية واحدة، وهو الكلب، والخنزير، وما تولد منهما، أو من أحدهما، فهذا نجس، عينه، وسؤره، وجميع ما خرج منه.

Maksudnya: “*Najis itu ada dua jenis: satu di antaranya: yang najis, menurut satu riwayat, iaitu anjing dan babi, dan apa yang lahir daripada mereka, atau daripada salah seorang daripada mereka*”.

b) Kenajisan Babi Menurut Mazhab Hanbaliyy

Mazhab Hanbaliyy menyatakan najis babi adalah lebih hina daripada najis anjing perkara ini juga turut dijelaskan oleh Al-Buhutiyy (1983) iaitu:

فالخنزير شر منه لنص الشارع على تحريمه وحرمة اقتنائه.

Maksudnya: “*Maka, babi itu lebih teruk daripadanya (anjing), kerana nas Syarak telah menetapkan larangan terhadapnya dan dilarang juga untuk memilikinya*”.

Berikut merupakan ayat Al-Quran berkaitan dengan pengharaman babi iaitu pada surah al-Baqarah ayat 173:

﴿ إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنْزِيرِ ﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah SWT hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi*”.

(Al-Quran. Al- Baqarah 2:173)

Bukan itu sahaja, Al-Sa^cdiyy (2004) menyatakan perkara yang sama iaitu:

قاله ابنُ تَمِيمٍ وَقَطَعَ الْمُصَنِّفُ، أَنَّ نَجَاسَةَ الْخِنْزِيرِ كَنَجَاسَةِ الْكَلْبِ وَهُوَ الصَّحِيحُ مِنَ الْمَذْهَبِ، وَعَلَيْهِ الْأَصْحَابُ.

قال الإمامُ أحمدُ: هو شرُّ مِنَ الْكَلْبِ. وقيل: ليست نَجَاسَةُ الْخِنْزِيرِ كَنَجَاسَةِ الْكَلْبِ.

Maksudnya: “*Ibnu Tamim dan penulis menyatakan bahawa najis babi adalah sama seperti najis anjing. Ia adalah pandangan yang sahih daripada mazhab dan ia dipegang oleh para ulama mazhab. Imam Ahmad berkata: babi lebih teruk daripada anjing. Dikatakan juga: kenajisan babi tidak sama seperti kenajisan anjing*”.

Jadi jelaslah disini bahawa menurut mazhab Hanbaliyy anjing dan babi adalah najis secara keseluruhan.

2.5 Cara Sertu Menurut Pandangan Mazhab Fiqah.

Subtopik ini akan menerangkan tentang cara sertu menurut pandangan imam empat mazhab. Penerangan secara terperinci sepertimana berikut:

2.5.1 Cara Sertu Menurut Pandangan Mazhab Hanafiyy

Cara sertu menurut mazhab Hanafiyy berbeza daripada mazhab yang lain. Ini kerana mazhab Hanafiyy tidak mengamalkan cara basuhan seperti yang dinyatakan dalam hadis yang riwayatkan daripada Abu Hurayrah R.A bahawa Rasulullah SAW bersabda:

{ طَهُّورُ إِنَاءٍ أَحَدِكُمْ إِذَا وَلَعَ فِيهِ الْكَلْبُ، أَنْ يَغْسِلَهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ أَوْلَاهُنَّ بِالْثَّرَابِ }

Maksudnya: “*Sucinya bekas salah seorang dari kamu apabila seekor anjing menjilat padanya (bekas tersebut) adalah dengan cara kamu membasuhnya sebanyak tujuh kali, dan basuhan pertama bercampur dengan tanah*”.

(Hadis. Muslim. Kitab al-Taharah, Bab Hukm Wulugh al-Kalb. No 279)

Ini kerana, Mazhab Hanafiyy menolak hadis diatas kerana perawi yang meriwayatkan hadis tersebut iaitu Abu Hurayrah RA telah menyanggahi apa yang telah diriwayatkannya di dalam sebuah hadis lain iaitu yang ditulis oleh Al-Misriyy (1993) iaitu:

{ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ فِي الْإِنَاءِ يَلُغُ فِيهِ الْكَلْبُ أَوْ الْهَرَّةُ، قَالَ: "يَغْسَلُ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ" }

Maksudnya: “*Dari Abu Hurayrah RA, bejana yang telah dijilat oleh anjing atau kucing, beliau berkata: “Hendaklah dicuci tiga kali”*”.

(Hadis. Sharh Ma’ani al-Athar. No. 196).

Seterusnya, Al-Hanafiyy (2009) menyatakan terdapat juga hadis daripada Abu Hurayrah RA, yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

{ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْكَلْبِ يَلُغُ فِي الْإِنَاءِ أَنَّهُ

قَالَ: يَغْسَلُ ثَلَاثًا، أَوْ خَمْسًا، أَوْ سَبْعًا }

Maksudnya: *“Bejana yang telah dijilat oleh anjing, beliau berkata: Hendaklah dicuci tiga kali, lima kali atau tujuh kali”*.

(Hadis. Sharh Mukhtasar Al-Tahawiyy. Bab Ma Takun Bih Al-taharah. No. 193)

Jadi secara kesimpulannya, cara sertu menurut mazhab Hanafiyy ialah tidak wajib membasuh najis *mughallazah* tersebut sebanyak tujuh kali ini kerana hal tersebut adalah sunat bukannya wajib. Bagi mazhab Hanafiyy membersihkan sesuatu perkara yang terkena najis cukup sekadar menyucikannya sehingga hilang najis tersebut. Hal ini juga dijelaskan oleh al-Hanafiyy (2004):

وكذلك الرجل إذا أصابته نجاسة في بعض أعضائه أو أصاب بدنه فلحسها بلسانه أو مسحها بريقه حتى ذهب أثره طهر.

Maksudnya: *“Jika seseorang lelaki terkena najis pada sebahagian anggota badannya atau terkena pada tubuhnya, kemudian dia menjilatnya dengan lidahnya atau menyapunya dengan air liurnya sehingga hilang segala kesan, maka ia dikira suci”*.

Justeru itu, cara sertu bagi mazhab Hanafiyy adalah apabila apa-apa sahaja terkena jilatan anjing hendaklah disucikan sebanyak tiga kali basuhan sahaja. Ini kerana mereka beralaskan bahawa Abu Hurayrah RA pernah meriwayatkan hadis bahawa cukup membasuhnya dengan tiga kali basuhan sahaja jika itu dapat menghilangkan kesan air liur anjing seperti yang terdapat dalam hadis diatas. Mereka berpendapat bahawa air liur anjing

adalah sama seperti najis-najis yang lain dan tidak boleh *diquaskan* kenajisan mulut dan jilatannya kepada seluruh bahagian tubuh anjing.

2.5.2 Cara Sertu Menurut Pandangan Mazhab Malikiyy

Sertu menurut pandangan mazhab Malikiyy pula para ulama berpendapat bahawa suruhan Rasulullah SAW untuk mencuci bekas yang dijilat oleh anjing sebanyak tujuh kali itu bukanlah disebabkan kenajisan air liur, mulut dan lidahnya tetapi disebabkan kepada *ta'abbudi* kepada Allah SWT semata-mata. Imam Malikiyy juga pernah berkata iaitu:

قال مالك: يؤكل صيده، فكيف بكره لعابه؟

Maksudnya: “*Imam Malikiyy berkata: haiwan buruannya dimakan, jadi bagaimana air liurnya menjadi haram?*” (Al-Saqliyy, 2013).”

Ini kerana menurut mazhab Malikiyy menyucikan najis adalah sunat bukan wajib. Selanjutnya terdapat juga penjelasan daripada Al-Zuhailiyy (t.th) iaitu:

ويغسل الإناء من "ولوغ الكلب" في الماء سبغاً ويراق الماء استحباباً ولا يراق ما ولغ فيه الكلب من سائر المائعات.

Maksudnya: “*Dan bekas daripada jilatan anjing itu hendaklah dibersihkan dengan tujuh kali basuhan, dan air itu hendaklah ditumpahkan sebagai satu hukun sunat sahaja. Tidak perlu ditumpahkan cecair-cecair lain yang dijilat oleh anjing*”.

Ini kerana menurut mazhab Malikiyy menyucikan najis mugallazah adalah sunat bukan wajib. Selanjutnya terdapat juga penjelasan daripada Al-Zuhailiyy (t.th) iaitu:

ويغسل الإناء من "ولوغ الكلب" في الماء سبعاً ويراق الماء استحباباً ولا يراق ما ولغ فيه الكلب من سائر المائعات.

Maksudnya: *“Dan bekas daripada jilatan anjing itu hendaklah dibersihkan dengan tujuh kali basuhan, dan air itu hendaklah ditumpahkan sebagai satu hukun sunat sahaja. Tidak perlu ditumpahkan cecair-cecair lain yang dijilat oleh anjing”*.

Manakala bagi najis babi juga tidak perlu dibersihkan dengan tujuh kali basuhan ini sepertimana yang di terangkan oleh Al-Kishnawiyy et al., (t.th) iaitu berdasarkan teks berikut:

إذا ولغ الخنزير لا يجب ولا يندب بولوغ غسلة الإناء سبعاً، ولا إراقة الماء، ولا طرح الطعام.

Maksudnya: *“Jika babi menjilatnya, maka tidak wajib dan tidak sunat untuk membasuh bejana sebanyak tujuh kali, tidak perlu menumpahkan airnya, dan tidak perlu membuang makanan yang ada dalamnya”*.

Seterusnya, Al-Mawwaq Al-Malikiyy (1994) telah menyatakan bahawa:

الظَّاهِرُ مِنْ قَوْلِ مَالِكٍ نَفِيَّ الْعَسَلِ سَبْعًا مِنْ وُلُوغِ الْخِنْزِيرِ.

Maksudnya: *“Qawl Zahir (pendapat muktamad) dari kenyataan imam Malik ialah tidak perlu menyucikan sebanyak tujuh kali jilatan babi tersebut”*.

Jadi menurut mazhab Malikiyy cara untuk membersihkan apa-apa sahaja yang terkena najis *mughallazah* (anjing dan babi) adalah cukup dengan membersihkannya dengan air mutlak sebanyak tujuh kali sahaja, ini adalah berdasarkan hadis °Abd al-Rahman bin Zayd meriwayatkan bahawa dia mendengar Abu Hurayrah RA berkata:

{ قال النبي صلى الله عليه وسلم " إذا ولغ الكلب في إناء أحلكم فليغسله سبع مرات " }

Maksudnya: *Rasulullah bersabda: "Jika seekor anjing menjilat bejana seseorang kamu, hendaklah dia membasuhnya tujuh kali"*.

(Hadis. al-Nasa°iyy. Kitab Al- Mujtaba Min al-Sunan. No 64)

2.5.3 Cara Sertu Menurut Pandangan Mazhab Syafi°iyy

Menurut mazhab Shafi°iyy sertu merupakan satu kaedah penyucian sekiranya apa-apa sahaja terkena mana-mana bahagian daripada najis *mughallazah* yang terdiri daripada najis anjing dan babi hendaklah dibersihkan dengan cara yang tertentu. Perkara ini telah dijelaskan oleh Ibn al-Rif °ah, (2009):

وإذا ولغ الكلب أو الخنزير أو ما تولد منهما أو من أحدهما في إناء - أي: وتنجس بنجاسة ما فيه؛ إذ الولوغ يختص بما إذا كان في الإناء شيء، أما إذا لم يكن فيه شيء، فيقال: لحس الإناء، والشرب أعم من الولوغ؛ فإن كل شرب ولوغ، ولا يلزم العكس - لم يطهر حتى يغسل سبع مرات - أي: الإناء - إحداهن بالتراب.

Maksudnya: *"Dan jika seekor anjing atau babi atau apa yang lahir daripada keduanya atau daripada salah satu daripada keduanya menjilat bejana -iaitu: ia menjadi najis*

kerana kenajisan apa yang ada di dalamnya (air). Ini kerana (perbuatan) al-wulugh (menjilat) dikhususkan jika dalam bejana itu ada sesuatu (air). Adapun jika tiada apa (air) dalam bejana, ia disebut lahisa (bukan walagha) yang bermaksud menjilat. Perbuatan al-shurbu (minum) lebih umum daripada al-wulugh (menjilat). Setiap al-shurbu (minum) adalah al-wulugh (menjilat) dan tidak semesti sebaliknya- ia tidak menjadi suci sehingga ia -bejana itu- dibasuh tujuh kali, salah satunya dengan air tanah”.

Selanjutnya, dinyatakan juga oleh Al-Rafi ‘iyy et al., (2009):

ولوغ الكلب يغسل سبعا إحداهن بالتراب وعرقه وسائر أجزائه كاللعاب.

Maksudnya: “Jilatan anjing dicuci tujuh kali, salah satunya dengan tanah, termasuk juga peluhnya, dan semua bahagian lainya seperti air liur”.

Seterusnya turut dijelaskan oleh Al-Nawawiyy (2004) berdasarkan taks tersebut:

وما نجس بملاقة شيء من كلب غسل سبعا إحداهما بتراب، والأظهر: تعين التراب، وأن الخنزير ككلب، ولا يكفي تراب نجس، ولا منزوج بمائع في الأصح.

Maksudnya: “Dan apa-apa sahaja yang menjadi najis disebabkan terkena mana-mana bahagian anjing, maka hendaklah ia dibasuh tujuh kali basuhan, dan salah satunya dengan basuhan bercampur tanah. Mengikut qawl yang azhar, basuhan bercampur tanah tersebut tidak boleh ditukar dengan suatu yang selain tanah, dan hukum babi pula adalah sama seperti hukum anjing, tidak memadai (tidak harus atau haram) tanah yang bernajis dan bercampur dengan bahan cecair yang lain mengikut pandangan asah (paling kuat)”.

Seterusnya, berdasarkan Al-Shirbiniyy (1994) telah dinyatakan waktu yang sesuai untuk meletakkan tanah semasa proses sertu dijalankan adalah berdasarkan petikan hadis di dalam kitab tersebut. Hadis ini direkodkan oleh Imam Muslim dalam sahihnya seperti berikut:

{عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " طُهُورُ إِنَاءٍ أَحَدِكُمْ إِذَا وَلَعَ فِيهِ الْكَلْبُ أَنْ

يَغْسَلَ سَبْعَ مَرَّاتٍ أُولَاهُنَّ بِتُرَابٍ "

Maksudnya: *"Daripada Abu Hurayrah RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda: "Apabila bekas salah seorang daripada kamu dijilat oleh anjing, maka untuk menyucikan hendaklah dibasuh tujuh kali, basuhan pertamanya dengan tanah".*

(Hadis. Muslim. Kitab al-Taharah, Bab Hukm Wulugh al-Kalb. No 279)

Berdasarkan hadis diatas jelas menunjukkan cara sertu menurut pandangan mazhab Syafi'iy iaitu hendaklah pada basuhan pertama dengan air yang bercampur tanah kemudian diikuti dengan enam kali basuhan air mutlak. Adalah lebih baik sekiranya tanah tersebut tidak bercampur dengan najis dan bahan cecair yang lain.

Penerangan bagi kedudukan tanah yang terbaik sama ada diawal, diakhir atau salah satunya semasa basuhan sertu akan dijelaskan pada sub topik yang berikutnya.

2.5.4 Cara Sertu Menurut Pandangan Mazhab Hanbaliyy

Sertu menurut pandangan imam Hanbaliyy cara menyucikan apa-apa sahaja yang terkena najis *mughallazah* (anjing dan babi) dengan tujuh kali basuhan dan salah satunya dengan air bercampur tanah. Perkara ini telah dinyatakan oleh Al-Buhutiyy (1994) iaitu:

بتراب طهور السبع غسلات في متنجس بكلب أو متنجس بخنزير أو متولدمنهما أو من أحدهما أي الكلب
لحديث مسلم عن أبي هريرة مرفوعا (إذا ولغ الكلب في إناء أحدكم فليغسله سبعا أو لاهن بالتراب).

Maksudnya: “Membasuh tujuh kali basuhan pada benda yang terkena najis anjing, najis babi, atau yang lahir daripada keturunan kedua-duanya atau yang lahir salah satu daripadanya iaitu anjing dan babi, dengan tanah yang suci berdasarkan hadis Muslim daripada Abu Hurayrah yang diriwayatkan secara marfu’ yang bermaksud, “apabila anjing menjilat bejana salah seorang kamu, hendaklah dia membasuhnya tujuh kali dengan salah satunya dengan (air bercampur) tanah”.

Cara sertu ini juga berdasarkan hadis Muslim dari Abu Hurayrah RA iaitu:

{عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ (طُهُورُ إِنَاءٍ أَحَدِكُمْ إِذَا وَلَغَ فِيهِ الْكَلْبُ

أَنْ يَغْسَلَ سَبْعَ مَرَارٍ أَوْ لَاهُنَ بِتُرَابٍ)}

Maksudnya: Daripada Abu Hurayrah RA, bahawasanya Rasulullah SAW

bersabda: “Sucinya bekas salah seorang daripada kamu apabila dijilat oleh

anjing ialah hendaklah dibasuh tujuh kali, basuhan pertamanya dengan (air bercampur) tanah”.

(Hadis. Muslim. Kitab al-Taharah, Bab Hukm Wulugh al-Kalb. No 279)

Perkataan (أُولَاهُنَّ بِتُرَابٍ) di dalam hadis diatas menjelaskan bahawa basuhan pertama air bercampur dengan tanah dan enam basuhan lagi adalah dengan air mutlak. Hal ini turut dijelaskan Al-Buhutiyy (1994):

الغسلة (الأولى) يجعل التراب فيها وليأتي الماء بعده فينظفه وفي حديث (أولاهن).

Maksudnya: “Basuhan pertama adalah dengan tanah dan kemudian diikuti dengan air mutlak untuk membersihkannya. Ini kerana berpandukan perkataan yakni “yang pertamanya” di dalam hadis tersebut”.

2.6 Hukum Penggunaan Tanah Semasa Proses Sertu Mengikut Mazhab.

Menurut Al-Kuayt (1984) telah menerangkan tentang penggunaan tanah semasa proses sertu menurut mazhab iaitu:

ذهب الشافعية والحنابلة إلى وجوب استعمال التراب مع الماء في التطهير من نجاسة الكلب والخنزير وما تولد

منها ، واستدلوا لذلك بما رواه أبوهريرة قال : قال رسول الله ﷺ : (طهور إناء أحدكم إذا ولغ فيه الكلب أن

يغسله سبع مرات أولاهن بالتراب) أخرجه مسلم وأحمد . وقد قاسوا الخنزير على الكلب.

Maksudnya: “*Ulama^o al-Syafi^oiyah dan al-Hanabilah berpandangan bahawa wajib menggunakan tanah bersama air pada menyucikan najis anjing, babi dan apa yang lahir daripada keduanya. Mereka berdalilkan dalam perkara tersebut dengan apa yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:*

{طَهُورٌ إِذَا أَحَدُكُمْ إِذَا وَلَعَ فِيهِ الْكَلْبُ، أَنْ يَغْسِلَهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ أَوْلَاهُنَّ بِالتُّرَابِ}

Maksudnya: “*Sucinya bekas salah seorang di antara kamu apabila ia (bekas) dijilat anjing adalah dengan cara membasuhnya sebanyak tujuh kali dan yang pertama (basuhan) dengan tanah*”.

(*Hadis. Muslim. Kitab al-Taharah, Bab Hukm Wulugh al-Kalb. No 279*).

Mereka juga mengqiyaskan babi dengan anjing”.

Selanjutnya, Al-Zuhailiyy (t.th) turut menyatakan bahawa pendapat yang *azhar* di kalangan ulama mazhab Syafi^oiy adalah tanah merupakan satu-satunya bahan yang harus digunakan. Oleh sebab itu, tidaklah cukup menggunakan bahan lainnya seperti garam dan sabun. Manakala, mazhab Hanafiyy dan Malikiyy tidak mewajibkan menggunakan tanah semasa proses sertu perkara ini juga telah dijelaskan di dalam kitab yang sama iaitu:

وذهب الحنفية والمالكية، إلى أنه لا يجب استعمال التراب في ذلك.

Maksudnya: “*ulama^o al-Hanafiyyah dan al-Malikiyyah berpendapat tidak wajib menggunakan tanah pada menyucikan hal itu (najis anjing atau babi)*”.

Perkara ini juga oleh Al-Zuhailiyy (t.th) iaitu menurut mazhab Hanafiyy tempat yang dijilat anjing mestilah dibasuh sebanyak tujuh kali sahaja, karena Rasulullah SAW bersabda: “Apabila seekor anjing meminum dari bejana salah orang dari kamu, maka basuhlah bejana itu sebanyak tujuh kali”. Mazhab Malikiyy turut menyatakan semua anjing baik yang boleh digunakan untuk penjaga dan buruan ataupun yang tidak boleh, hanya jilatannya saja yang wajib dibasuh sebanyak tujuh kali secara ketaatan (*ta'abbudi*).

Seterusnya, menurut mazhab Syafi'iy dan Hanbaliyy, mereka bersependapat bahawa semasa proses sertu wajib disertakan dengan basuhan air tanah. Namun, terdapat beberapa riwayat hadis yang meriwayatkan tentang waktu yang sesuai untuk mencampurkan air tanah semasa proses sertu sama ada pada basuhan pertama, akhir atau salah satu daripadanya. Berikut adalah hadis berserta huraian berkenaan dengan perkara tersebut:

Pertama, hadis yang riwayatkan daripada Abu Hurayrah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

{ طَهْرُورٍ إِنَاءٍ أَحَدِكُمْ إِذَا وَلَغَ فِيهِ الْكَلْبُ، أَنْ يَغْسِلَهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ أَوْلَاهُنَّ بِالتُّرَابِ }

Maksudnya: “*Sucinya bekas salah seorang dari kamu apabila seekor anjing menjilat padanya (bekas tersebut) adalah dengan cara kamu membasuhnya sebanyak tujuh kali, dan basuhan pertama bercampur dengan tanah*”.

(Hadis. Muslim. Kitab al-Taharah, Bab Hukm Wulugh al-Kalb. No

279)

Seterusnya, hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

{ يَغْسَلُ الْإِنَاءَ إِذَا وَلَعَ فِيهِ الْكَلْبُ سَبْعَ مَرَّاتٍ أَوْلَاهُنَّ أَوْ أَخْرَاهُنَّ بِالتُّرَابِ }

Maksudnya: “Dibasuh bekas apabila dijilat padanya anjing sebanyak tujuh kali, yang pertama atau yang terakhir”.

(Hadis. Imam al-Tirmizi. Kitab Taharah, Bab Ma Ja^c Fi Sur Alkalb. No 91)

Berdasarkan penerangan oleh Al-Mubarakfuriyy (2013) iaitu:

قَالَ الْحَافِظُ فِي الْفَتْحِ هِيَ رِوَايَةٌ وَأَوْلَاهُنَّ أَرْجَحُ مِنْ حَيْثُ الْأَكْثَرِيَّةِ وَالْأَحْفَظِيَّةِ وَمِنْ حَدِيثِ الْمَعْنَى أَيْضًا لِأَنَّ تَتْرِيْبَ الْأَخِيْرَةِ يَمْتَضِي الْإِحْتِيَاجَ إِلَى غَسَلِهِ أُخْرَى لِتَنْظِيفِهِ انْتَهَى. فَقَوْلُهُ أَوْلَاهُنَّ أَوْ أَخْرَاهُنَّ بِالتُّرَابِ فِي رِوَايَةِ التِّرْمِذِيِّ إِنْ كَانَتْ كَلِمَةٌ أَوْ فِيهِ لِلشَّكِّ مِنَ الرَّوَايِ فَيَرْجِعُ إِلَى التَّرْجِيْحِ وَقَدْ عَرَفْتَ أَنَّ رِوَايَةَ أَوْلَاهُنَّ أَرْجَحُ وَإِنْ كَانَتْ مِنْ كَلَامِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَهُوَ تَخْيِيرٌ مِنْهُ.

Maksudnya: “Telah berkata al-Hafiz di dalam al-Fath bahawa riwayat “أَوْلَاهُنَّ” adalah lebih rajih dari sudut banyaknya dan juga lebih terpelihara. Selain itu juga, dari sudut makna hadis juga kerana jika dibasuh dengan tanah di akhir maka ia memerlukan basuhan yang lain bagi membersihkannya. Kata penulis “pada permulaannya” atau “pada akhir” basuhan dengan tanah di dalam riwayat al-Tirmidhi, jika kalimah “atau” ia wujud disebabkan oleh syak daripada perawi, maka ia kembali kepada tarjih dan engkau telah

ketahui bahawa riwayat “أَوْلَاهُنَّ” lebih kuat sekalipun jika perkataan “أُخْرَاهُنَّ” itu thabit daripada Rasulullah SAW maka ia menunjukkan takhyir (pemilihan) daripada hadis tersebut”.

Kedua, hadis daripada ‘Aliyy RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

{ إِذَا وَلَعَّ الْكَلْبُ فِي إِنَاءٍ أَحَدِكُمْ فَلْيَغْسِلْهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ إِحْدَاهُنَّ بِالْبَطْحَاءِ }

Maksudnya: “Apabila anjing meminum pada bekas salah seorang daripada kamu, maka kamu basuhlah ia (bekas) sebanyak tujuh kali, salah satu daripadanya tanah yang rata”.

(Hadis. Sunan Daraquthni. Kitab Irwa‘ Al-Ghail. No 189)

Menurut Al-Shawkaniyy (1993) iaitu:

وَعِنْدَ الدَّارِقُطِيِّ بِلَفْظٍ "إِحْدَاهُنَّ" أَيْضًا وَإِسْنَادُهُ ضَعِيفٌ فِيهِ الْجَارُودُ بْنُ يَزِيدَ وَهُوَ مَثْرُوكٌ.

Maksudnya: “Di dalam Sunan Al-Daraquthniyy terdapat lafaz “إِحْدَاهُنَّ” juga dan sanadnya adalah daif kerana di dalam sanad hadis tersebut terdapat al-Jarud bin Yazid dan dia adalah seorang yang matruk (ditinggalkan riwayatnya)”.

Secara kesimpulannya, mazhab Syafi‘iyy dan Hanbaliyy mewajibkan penggunaan tanah semasa proses sertu, dengan mengeshorkan basuhan air bercampur tanah pada awal basuhan kerana ia lebih baik dan pandangan tersebut lebih *rajih*. Manakala, mazhab Hanafiyy dan Malikiyy tidak mewajibkan menggunakan tanah.

2.7 Perbincangan Isu-Isu Cabang Mengenai Sertu Dalam Kitab Fiqah

Terdapat banyak isu yang telah dibincangkan dalam kitab-kitab fiqah mazhab Syafi'iy yang melibatkan sertu antaranya adalah:

2.7.1 Kadar kepekatan tanah

Menurut hadis-hadis yang telah diriwayatkan secara ringkasnya tidak menerangkan secara khusus berkenaan dengan jenis tanah dan sukatan atau kadar kekeruhan tanah yang diperlukan. Namun, Al-Shirbiniyy (1994) menerangkan:

(بِتْرَابٍ طَهُورٍ) يَغْمُ مَحَلَّ النَّجَاسَةِ بِأَنْ يَكُونَ قَدْرًا يَكْدُرُ الْمَاءَ وَيَصِلُ بِوَأَسْطِنِهِ إِلَى جَمِيعِ أَجْزَاءِ الْمَحَلِّ.

Maksudnya: “(dengan tanah yang suci) iaitu perlu meliputi keseluruhan tempat najis, dengan syarat sejumlah tanah yang boleh mengeruhkan air, dan air tanah itu perlu sampai kepada kesemua tempat yang terkena najis tersebut”.

Manakala, perkara ini juga di jelaskan oleh Al-Ma‘bariyy, (t.th) iaitu:

ولا يظهر متنجس بنحو كلب إلا بسبع غسلات بعد زوال العين ولو بمرات فمزيلها مرة واحدة إحداهن بتراب تيمم ممزوج بالماء بأن يكدر الماء حتى يظهر أثره فيه ويصل بواسطته إلى جميع أجزاء المحل المتنجس.

Maksudnya: “Tidak menjadi suci benda terkena najis seperti anjing kecuali dengan tujuh kali basuhan iaitu dengan menghilangkan ‘ayn najis walaupun beberapa kali terlebih dahulu, maka ia dapat menghilangkannya sekali sahaja; salah satunya adalah dengan tanah tayammum yang bercampur air dengan sekira-kira mengeruhkan air sehingga

kelihatan kesan di dalamnya dan air tersebut mencukupi untuk membasuh kesemua bahagian yang terkena najis”.

Seterusnya, perkara ini turut dijelaskan oleh Suleiman Al-Bujairimiyy (1995) iaitu:

قَوْلُهُ: (بِتْرَابٍ) أَيِّ مَصْخُورَةٍ بِتْرَابٍ، وَالْمُرَادُ بِتْرَابٍ وَلَوْ حُكْمًا لِيَدْخُلَ مَا لَوْ غَسَلَ بِقِطْعَةٍ طِينٍ أَوْ طِفْلٍ، فَإِنَّهُ يَكْفِي وَكَذَا الطِّينُ الرُّطْبُ؛ لِأَنَّهُ تَرَابٌ بِالْقُوَّةِ وَيُجْزَى الرَّمْلُ النَّاعِمُ الَّذِي لَهُ عِبَارٌ يُكَدِّرُ الْمَاءَ، وَإِنْ كَانَ نَدِيًّا وَالتُّرَابُ الْمُخْتَلَطُ بِنَحْوِ دَقِيقٍ حَيْثُ كَانَ يُكَدِّرُ الْمَاءَ كَمَا فِي الْبِرْمَاوِيِّ.

Maksudnya: *Katanya (dengan tanah) “Iaitu disertai dengan tanah yang dimaksudkan dengan tanah, walaupun secara hukmi sahaja, supaya termasuk jika dibasuh dengan sejumlah tanah atau lumpur, maka ia mencukupi. Tanah lembap juga boleh digunakan kerana ia juga dikira sebagai tanah. Boleh juga menggunakan pasir halus yang memiliki debu yang boleh mengeruhkan air, sekalipun ia keruh. Begitu juga dibolehkan tanah yang bercampur seperti tepung dengan syarat ia mengeruhkan air sebagaimana disebutkan dalam al-Birmawi”.*

Menurut kedua-dua kitab tersebut jelaslah bahawa tanah yang di maksudkan adalah tanah lembap, lumpur atau pasir halus seakan-akan debu. Selanjutnya, dari segi penggunaan tanah pula hendaklah tanah tersebut dapat mengeruhkan air dan mencukupi untuk membersihkan kesemua tempat yang hendak disertu.

2.7.2 Bermulanya Pengiraan Basuhan Pertama

Isu berkenaan dengan bilahkah bilangan pertama basuhan serti sekiranya ain najis sukar untuk dibersihkan? Permasalahan ini telah dibincangkan Al-Ramliyy (t.th) iaitu:

(سئل) عما إذا لم تنزل النجاسة العينية الكلية إلا بست غسلات هل تحسب واحدة أو ستا؟

(فأجاب) بأنها تحسب تلك الغسلات واحدة على الأصح؛ لأن مزيل عين النجاسة يعد غسلة واحدة،

وإن تعدد الغسل.

Maksudnya:

“Soalan: Berkenaan dengan bekas najis ain anjing tidak hilang kecuali dengan enam kali basuhan, adakah basuhan tersebut dikira satu kali atau enam kali?”

Jawapan: Menurut pandangan yang lebih tepat, semua basuhan tersebut masih dikira sebagai basuhan pertama, kerana penghilangan ain najis dikira sekali basuhan walaupun basuhan dibuat berkali-kali”.

Perkara ini turut dibincangkan oleh Khalid (t.th) iaitu:

س: ما كيفية تطهير الأرض إذا أصابته النجاسة؟

ج: إذا طرأت النجاسة على أرض فإنه يشترط لطهارتها أن تنزل عين النجاسة أيّاً كانت ولو من كلب بغسلة

واحدة فإن لم تُزل إلا بغسلتين، فغسلتان، وثلاث فتلاث. والدليل على ذلك قول النبي - لما بال الأعرابي في

المسجد قال - أريقوا على بوله ذنوباً من ماء -، ولم يأمر بعدد.

Maksudnya:

“Soalan: Apakah cara membersihkan permukaan jika terkena najis?”

Jawapan: Jika najis terkena tanah disyaratkan untuk menyucikannya dengan hilangnya ‘ayn najis walau apapun ia, meskipun dari anjing dengan membasuhnya dengan sekali basuhan. Jika ia tidak hilang melainkan dengan dua kali basuhan, maka dua kali basuhan. Jika ia tidak hilang melainkan dengan tiga basuhan, maka tiga kali basuhan. Dalilnya ialah sabda Rasullulah SAW iaitu apabila seorang Badwi kencing dalam masjid, Baginda bersabda, yang bermaksud “tuangkan ke atas air kencingnya secebok air” dan Baginda tidak menyatakan secara jelas jumlah bilangannya”.

Menurut fatwa di atas basuhan pertama dikira apabila ain najis tersebut hilang. Ini bermakna sekiranya ain najis itu hilang pada basuhan ke enam maka basuhan tersebut dikira basuhan pertama.

2.7.3 Status baki air basuhan sertu yang mengalir ke tempat lain

Isu ini dibangkitkan apabila berlaku percikan baki air basuhan najis *mughallazah* ke tempat lain sepertimana yang telah dijelaskan oleh Al-Ramliyy (t.th) iaitu:

(سُئِلَ) عَمَّنْ وَقَعَتْ عَلَيْهِ نَجَاسَةٌ كَلْبِيَّةٌ فَتُرَبَّ وَغُسِّلَ سَبْعًا وَجُعِلَ التُّرَابُ فِي عَيْرِ السَّابِعَةِ ثُمَّ انْتَقَلَ رَشَاشٌ مِنْ

السَّابِعَةِ مِنْ مَحَلِّ النَّجَاسَةِ إِلَى مَحَلِّ آخَرَ هَلْ يَجِبُ تَثْرِيئُهُ ، وَتَسْيِيعُ ذَلِكَ الْمَحَلِّ الْمُنتَقِلِ إِلَيْهِ أَوْ لَا وَإِذَا قَلْتُمْ

بِذَلِكَ فَهَلْ يَجِبُ تَثْرِيئُهُ أَوْ لَا ؟

(فَأَجَابَ) بِأَنَّهُ لَا يَجِبُ غَسْلُ الْمَحَلِّ الْمُنتَقِلِ إِلَيْهِ مِنْ رَشَاشِ السَّابِعَةِ لِإِنْتِقَالِهِ بَعْدَ طُهْرِ الْمَحَلِّ .

Maksudnya:

“Soalan: bagi seseorang yang terkena najis anjing, lalu digunakan tanah dan dibasuh sebanyak tujuh kali. Tanah itu pula digunakan bukan pada basuhan ketujuh, kemudian percikan air basuhan yang ketujuh tersebut dari tempat terkena najis terkena pula pada tempat lain, adakah wajib mencampur air dengan tanah semula dan melakukan basuhan sebanyak tujuh kali pada kawasan yang terkena percikan itu atau tidak. Jika berpandangan perlu berbuat demikian adakah wajib mencampur air dengan tanah semula atau tidak?”

Jawapan: Tidak wajib membasuh tempat yang terkena percikan dari air basuhan yang ketujuh, kerana percikan terjadi setelah tempat itu telah pun bersih”.

Kesimpulannya status baki air yang telah mengalir ke tempat lain adalah bersih.

2.7.4 Adakah air dalam baldi bertukar menjadi *mustakmal* apabila dicelup dengan anggota badan yang terkena najis *mughallazah*

Menurut Al-Ramliyy (t.th) iaitu:

(سُئِلَ) عَمَّنْ أَلْقَى تَرَابًا طَهُورًا فِي قَلْتَيْنِ مِنَ الْمَاءِ إِلَى أَنْ كَدَّرَهُ ثُمَّ إِنَّهُ عَمَسَ عُضْوَهُ الْمُتَنَجِّسَ نَجَاسَةً كَلْبِيَّةً فِيهِ

حَالَ كُدْرَتِهِ هَلْ يَطْهَرُ وَإِذَا رَسَبَ فِي الْمَاءِ ، وَاسْتَحْرَجَهُ إِنْسَانٌ هَلْ يَجُوزُ اسْتِعْمَالُهُ أَيْضًا فِي نَجَاسَةِ كَلْبِيَّةٍ ، وَهَلْ

إِذَا جَفَّ يَجُوزُ التَّيْمُّ بِهِ؟.

(فَأَجَابَ) بِأَنَّهُ إِذَا غَمَسَهُ فِيهِ سَبْعَ مَرَّاتٍ طَهَّرَ عُضْوَهُ الْمَذْكُورَ ، وَلَا يَجُوزُ اسْتِعْمَالُهُ فِي نَجَاسَةِ كَلْبِيَّةٍ لِأَنَّهُ يُشْتَرَطُ فِي التُّرَابِ الْمَمْرُوحِ بِالْمَاءِ كَوْنُهُ طَهُورًا كَمَا صَرَّحَ بِهِ الْكَمَالُ سَلَارُ شَيْخُ لِنَوَوِيِّ وَاقْتَضَى كَلَامُ الشَّيْخِ أَبِي مُحَمَّدٍ الْجَوْنِيِّ كَوْنَهُ مِمَّا يَصِحُّ التَّيْمُّمُ بِهِ ، وَالتُّرَابُ الْمَذْكُورُ مُسْتَعْمَلٌ فِي الْحَبْثِ فَهُوَ طَاهِرٌ لَا طَهُورٌ فَلَا يَجُوزُ التَّيْمُّمُ بِهِ.

Maksudnya:

“Soalan: Seseorang menuangkan tanah yang suci ke dalam air yang berkuantiti dua kolah sehingga air tersebut bertukar menjadi keruh. Kemudian, dia mencelupkan anggota badan yang terkena najis anjing ke dalam air keruh tersebut. Adakah anggota badan boleh menjadi bersih dan suci? dan jika tanah itu mendap di dalam air lalu seseorang mengeluarkannya, adakah harus digunakan untuk serti najis anjing? Dan jika ia kering, adakah boleh bertayammum dengannya?”

Jawapan: bahawa jika dia mencelupkan anggotanya sebanyak tujuh kali, bersihlah anggotanya badan tersebut, tetapi tidak harus menggunakan sisa mendapan tanah itu untuk membersihkan najis anjing. Kerana disyaratkan bahawa tanah yang bercampur dengan air itu, mestilah bersih seperti yang dinyatakan oleh Kamal Salar Sheikh al-Nawawiyy. Menurut kenyataan Syeikh Abu Muhammad al-Juwayniyy, tanah itu mestilah tanah yang sah digunakan untuk tayammum. Sedangkan sisa tanah tersebut hukumnya adalah mustakmal kerana sudah digunakan untuk menyucikan najis, ia adalah suci tetapi tidak boleh menyucikan, maka tidak boleh bertayammum dengannya”.

Bukan itu sahaja, terdapat juga kenyataan daripada Al-Qadi Al-Marwarrudhiyy (t.th) iaitu:

فأما إذا ولغ الكلب في إناء، ثم غمس الإناء في ماء، لا يخلو إما أن يكون الماء جارياً أو راكداً، فإن كان جارياً

إن تركه فيه ريثما يجري الماء عليه سبع جريات فذاك

Maksudnya: “Jika seekor anjing menjilat bejana, kemudian dia mencelupkan bejana ke dalam air, ia sama ada air tersebut mengalir atau bertakung. Sekiranya ia mengalir, sekiranya dia membiarkannya di dalamnya sehingga air mengalir di atasnya tujuh aliran, maka itu adalah memadai”.

Secara ringkasnya, basuhan najis *mughallazah* dengan kaedah celupan menjadikan anggota badan atau bekas menjadi suci dengan syarat air yang dicelup dalam kuantiti yang melebihi dua kolah atau mengalir.

Secara ringkasnya air *mutlak* yang telah digunakan untuk menyucikan najis *mughallazah* dengan kaedah celupan maka najis tersebut cuci tetapi bekas air tersebut tidak boleh digunakan untuk membersihkan najis *mughallazah* yang lain dan tidak boleh digunakan untuk bertayammum.

2.7.5 Keadaan yang Diwajibkan untuk Sertu

Setersnya, terdapat isu apabila seseorang melalui tempat yang dilalui oleh anjing menggunakan kasut yang mempunyai lumpur di tapak kasut tersebut, Maka keadaan ini telah menimbulkan syak sama ada dihukum bersih atau tidak bersih. Menurut perbahasan oleh Al-Ramliyy (t.th) iaitu:

(سُئِلَ) هَلْ يُحْكَمُ بِتَنْجُسِ مَا يُلَاقِي شَيْئًا مَشَى عَلَيْهِ الْكَلْبُ مِنْ دَهَالِيزِ الْحَمَّامَاتِ وَاحْتَمَلَ طَهَارَتَهَا كَمَا فِي مَسْأَلَةِ الْهَرَّةِ أَمْ لَا وَهَلْ يُحْكَمُ بِطَهَارَةِ الدَّهَالِيزِ بِمَا يَرُدُّ عَلَيْهَا مِنَ الطِّينِ الَّذِي فِي نَعَالِ النَّاسِ بَعْدَ مُرُورِ الْمَاءِ عَلَيْهَا سَبْعًا لِأَصْلِ الطَّهَارَةِ أَمْ لَا لِغَلْبَةِ النَّجَاسَةِ وَيَسْتَمِرُّ الْحُكْمُ بِنَجَاسَةِ الدَّهَالِيزِ مُطْلَقًا اسْتِصْحَابًا لِأَصْلِ كَمَا يُسْتَحَبُّ الْحُكْمُ بِأَصْلِ الطَّهَارَةِ أَمْ إِلَى مُدَّةٍ يَغْلِبُ عَلَى الظَّنِّ زَوَالُهَا لِلتَّوَسُّعِ فِي الطَّهَارَةِ أَمْ لَا (فَأَجَابَ) بِأَنَّ مَا تَنْجَسَ مِنْ دَهَالِيزِ الْحَمَّامَاتِ بِمُلاقَاةِ شَيْءٍ مِنْ كَلْبٍ وَاحْتَمَلَ طَهَارَتَهُ لَمْ يُحْكَمْ بِنَجَاسَةِ مَا أَصَابَهُ مَعَ رُطُوبَةٍ كَمَا فِي مَسْأَلَةِ الْهَرَّةِ ؛ لِأَنَّ لَا نَتَجَسُّ بِالشَّكِّ وَإِنْ كَانَ الْأَصْلُ بَقَاءَ نَجَاسَتِهِ مُطْلَقًا ، وَلَا يُحْكَمُ بِطَهَارَتِهِ إِلَّا بَعْدَ مُرُورِ الْمَاءِ عَلَيْهِ سَبْعَ مَرَّاتٍ إِنْ كَانَتْ أَرْضًا تُرَابِيَّةً وَإِلَّا أُشْتُرِطَ أَنْ تَكُونَ إِحْدَى السَّبْعِ بِتُرَابٍ سِوَاءِ أَكَانَ مِنَ الطِّينِ الَّذِي فِي نَعَالِ النَّاسِ أَمْ مِنْ غَيْرِهِ بِحَيْثُ يَكْدُرُ الْمَاءُ وَيَصِلُ بِوَاسِطَتِهِ إِلَى جَمِيعِ أَجْزَاءِ الْمَحَلِّ.

Maksudnya:

“Soalan: (Adakah dianggap najis apa-apa sahaja yang bersentuhan dengan sesuatu yang dilalui anjing pada laluan air bilik mandi dan timbul prasangka terhadap kesuciannya) adakah ia sama seperti isu kucing atau tidak? Dan adakah dihukumkan bersih laluan air tersebut dengan apa yang terkena ke atasnya seperti tanah yang melekat pada kasut, selepas air mengalir melaluinya sebanyak tujuh kali? Disebabkan hukum asal kesucian atau tidak, kerana najis telah meliputinya, dan adakah hukum itu kekal berterusan dengan

najisnya laluan air itu mengikut hukum istishab, ataupun sehingga ghalib pada zan bahawa najis itu hilang kerana kerap kali bersuci?

Jawapan: Bahawa laluan bilik air yang menjadi najis akibat bersentuhan dengan sesuatu daripada anjing, dan timbul wasangka pada kesuciannya, tidak dihukumkan dengan najis apabila sesuatu yang basah terkena kawasan itu, sepertimana pada masalah kucing. Ini kerana, sesuatu itu tidak dihukumkan najis kerana adanya syak, sekalipun hukum asalnya adalah najis itu masih kekal (kerana belum dibersihkan).

Dan kawasan itu tidak dihukum bersih melainkan setelah dialirkan air ke atasnya sebanyak tujuh kali sekiranya ia kawasan bertanah. Jika tidak, disyaratkan agar menggunakan air mutlak sebanyak tujuh kali, salah satunya dengan tanah, sama ada tanah yang terlekat pada kasut atau selainnya sekira-kira yang boleh mengeruhkan air. Dan air itu hendaklah sampai ke seluruh kawasan yang terkena najis tadi”.

Oleh itu, hanya keadaan yang diyakini dan terbukti wujudnya najis *mughallazah* sahaja wajib disertai. Perkara ini telah dijelaskan oleh Al-San’aniyy (t.th) iaitu berkaitan dengan asal sesuatu barang itu suci, ini merupakan kaedah:

أَنَّ الْأَصْلَ فِي الْأَعْيَانِ الطَّهَارَةُ.

Maksudnya: “*Sesungguhnya hukum asal sesuatu barang itu adalah suci*”.

Perkara ini juga selari dengan pendapat Jalaluddin al-Suyutiyy (t.th) iaitu:

الْأَصْلُ بَقَاءُ مَا كَانَ عَلَى مَا كَانَ.

Maksudnya: “*hukum asal sesuatu barang itu kekal sepertimana keadaan sebelumnya*”.

Keyakinan tidak akan berubah hukumnya sekiranya berlaku ragu-ragu atau syak terhadap sesuatu peralatan atau kawasan sama ada suci ataupun tidak. Ini kerana Ibnu Nujaiym (t.th) iaitu:

شَكُّ فِي وُجُودِ النَّجَسِ فَلَا ضَلَّ بَقَاءُ الطَّهَارَةِ.

Maksudnya: “Seseorang syak pada menentukan adanya najis, maka hukum asalnya kekal suci”.

Hal ini juga telah dikukuhkan lagi dengan hadis yang diriwayatkan Abu Tha^clabah al-khushani beliau berkata bahawa dia bertanya kepada Rasulullah SAW: Kami tinggal di kawasan kejiranan Ahli Kitab dan mereka memasak dalam periuk mereka (daging) babi dan minum arak dalam bejana mereka. Rasulullah SAW bersabda:

{ إِنْ وَجَدْتُمْ غَيْرَهَا فَكُلُوا فِيهَا وَاشْرَبُوا وَإِنْ لَمْ تَجِدُوا غَيْرَهَا فَارْحَضُوا بِالْمَاءِ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا }

Maksudnya: “Jika kamu menjumpai periuk yang lain, maka makanlah di dalamnya dan minumlah. Tetapi jika kamu tidak mendapati yang lain, maka basuhlah mereka dengan air dan makan dan minum (di dalamnya)”.

(Hadis. Sunan Abi Dawud. Kitab Al-At^cimah, Bab Al^cakl Fi Aniat ^cAhl

Alkitab. No 3839)

Jelaslah disini bahawa sesuatu peralatan atau kawasan yang hendak disertai mestilah terbukti wujudnya najis *mughallazah* tanpa timbulnya rasa syak dan ragu-ragu kerana

keadaan yang mengandungi ragu-ragu (*syak*) maka ia tidak dihukum sebagai najis. Namun, kawasan yang tersebut dihukum najis melainkan setelah disuci sebanyak enam kali dengan air mutlak dan satu kali air bercampur tanah, sama ada sumber tanah tersebut dari kasut atau lain-lain.

2.8 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, semua ulama mazhab bersepakat bahawa babi adalah najis secara *mutlak* (keseluruhan). Namun, para ulama berbeza pendapat dalam menetapkan hukum tentang kenajisan anjing menurut mazhab Syafi'iyy dan Hanbaliyy mereka bersependapat dalam menetapkan hukum anjing najis secara keseluruhan dan sesiapa sahaja yang menyentuh atau tersentuh dengan mana-mana bahagian tubuh anjing hendaklah membasuh najis tersebut dengan tujuh kali basuhan dan salah satunya dengan air berserta tanah.

Seterusnya, menurut Mazhab Hanafiyy najis anjing hanyalah pada bahagian mulut, air liur dan kotorannya (*tahi*) sahaja bukan seluruh tubuhnya. Oleh itu, jika seseorang dijilat oleh anjing diwajibkan untuk membasuh najis tersebut sebanyak tiga kali basuhan sahaja. Akhir sekali, menurut pandangan mazhab Malikiyy anjing adalah suci secara keseluruhan dan bukan najis iaitu suci sepertimana haiwan lain kecuali kotorannya (*tahi*) sahaja yang dianggap *mutawassitah*. Namun apabila ada sesuatu terkena jilatan anjing hendaklah dibasuh sebanyak tujuh kali, tujuan basuhan ini hanyalah untuk ketaatan (*ta'abudi*) sahaja bukan disebabkan kenajisan anjing tersebut.